



Kerajaan Alam Melayu

NAMA :

KELAS :

Bahagian A

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Alam Melayu merangkumi gugusan kepulauan dan tanah besar di bahagian _____.

A timur benua Asia
B barat benua Asia
C tenggara benua Asia
D selatan benua Eropah

2. Maklumat berikut berkaitan dengan konsep Alam Melayu.

Penduduk Alam Melayu mempunyai ikatan keserumpunan.

Antara berikut, yang manakah aspek keserumpunan tersebut?

I Agama
II Bahasa
III Budaya
IV Ekonomi

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3. Champa merupakan salah satu kerajaan Alam Melayu.

Apakah pusat kerajaan bagi kerajaan Champa?

A Indrapura
B Vyadhapura
C Hariharalaya
D Kota Trowulan

4. Antara berikut, yang manakah sumbangan Jayavarman VII terhadap kerajaan Angkor?

I Meluaskan empayar
II Membina Angkor Thom
III Mengasaskan kerajaan
IV Membina pelabuhan

9. Apakah kepentingan kerajaan Alam Melayu menjalin hubungan dengan kerajaan luar?

A Membantu kemajuan kerajaan Alam Melayu dalam pelbagai kegiatan khususnya ekonomi melalui aktiviti perdagangan
B Sikap keterbukaan para pemerintah membawa kepada kemerosotan kerajaan Alam Melayu
C Kerajaan Alam Melayu membangun dan maju setanding dengan kerajaan luar
D Membantu kerajaan Alam Melayu membina kegemilangan yang agung

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5. Mengapakah Patih Gajah Mada dianggap penting kepada kerajaan Majapahit?

A Meluaskan empayar
B Mengasaskan kerajaan
C Menyebarkan agama Islam
D Menguasai laluan perdagangan

6. Apakah kerajaan luar yang pernah menjalin hubungan dengan kerajaan Alam Melayu pada abad pertama?

A Dinasti Tang
B Kerajaan Chola
C Empayar Kushan
D Kerajaan Abbasiyah

7. Apakah peranan Asoka sebagai pemerintah empayar Maurya?

A Mengembalikan keamanan
B Menakluk empayar Maurya
C Membina Angkor Thom
D Menyebarkan agama Buddha

8. Mengapakah kerajaan Champa menghantar unjukan ke China pada abad ketiga?

A Mendapatkan pengiktirafan dan memperkukuh hubungan persahabatan
B Memulihkan hubungan setelah berperang dengan sekutu China, iaitu Dai Viet
C Memohon bantuan ketenteraan untuk melawan Dai Viet
D Mengeratkan hubungan perdagangan

10. Para pemerintah kerajaan Alam Melayu bersikap terbuka dalam menjalin hubungan dengan kerajaan luar.

Apakah kesan daripada sikap keterbukaan tersebut?

A Kemakmuran negeri
B Peningkatan penduduk
C Penambahan sumber alam
D Taat setia rakyat